

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN  
[ SEGAMBUT ]**

**TARIKH : 30 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN [ SEGAMBUT ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan statistik kilang yang beroperasi sama ada secara sah dan secara haram di sepanjang sungai-sungai di Wilayah Persekutuan dan di Selangor, sistem pemantauan sedia ada, langkah pencegahan dan rancangan penempatan semula kilang-kilang tersebut supaya pencemaran air sungai tidak berulang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

1. Jabatan Alam Sekitar (JAS) menjalankan penguatkuasaan secara berkala ke atas kilang-kilang yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Selain daripada penguatkuasaan di lapangan, JAS juga mengambil tindakan-tindakan berikut bagi memastikan kilang-kilang berkenaan mematuhi sepenuhnya AKAS 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya iaitu:

- i. Kilang yang menghasilkan efluen perlu melaksanakan pegawasan prestasi sistem pengolahan efluen yang merangkumi pengawasan setiap unit operasi sistem, percontohan parameter utama, percontohan di takat pelepasan akhir, merekod kualiti pelepasan setiap minggu dan

melaporkan kepada JAS secara dalam talian serta mempunyai orang yang berwibawa untuk mengawasi operasi sistem pengolahan efluen;

- ii. Melakukan program penguatkuasaan secara berfokus kepada industri yang mempunyai risiko untuk menyebabkan pencemaran melalui pelaksanaan operasi khas seperti Ops Gempur;
- iii. Melaksanakan operasi bersepada yang melibatkan pelbagai agensi penguatkuasaan ke atas punca yang dikenalpasti bermasalah;
- iv. Melaksanakan program dan kempen kesedaran kepada pihak kilang bagi meningkatkan tahap kesedaran mereka terhadap kepentingan penjagaan alam sekitar;
- v. Mengambil tindakan undang-undang di atas ketidakpatuhan yang dikesan semasa siasatan penguatkuasaan dilakukan;
- vi. Mengemukakan maklumat mengenai operasi kilang haram yang dikenalpasti semasa siasatan penguatkuasaan JAS kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk tindakan selanjutnya; dan
- vii. Melaksanakan konsep Total Maximum Daily Load (TMDL) dalam mengawal pencemaran air.

Sekian. Terima kasih.